

BERITA Rumah Kita

PERUMAHAN AWAM DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR
"Rumah Ku, Syurga Ku"




BIL: 1/2002

ISSN 0128-5912

NASKAH PERCUMA

* JAN.-MAC 2002



Penyerahan Tugas Datuk Bandar daripada Tan Sri Dato' Kamaruzzaman Shariff kepada Kol. Datuk Mohamad Shaid b. Mohd Taufek



Tan Sri Dato' Kamaruzzaman Shariff mengucapkan Selamat Tinggal kepada Tuan Haji Salleh Yusup dan Pegawai-pegawai Kanan DBKL

Kolonel Datuk Mohamad Shaid

DATUK BANDAR KUALA LUMPUR YANG KE ENAM



Ketibaan Kol. Datuk Mohamad Shaid b. Mohd Taufek disambut oleh Datuk Hj. Ruslin Hasan dan Pegawai-pegawai Kanan DBKL

Timbalan Ketua Setiausaha Kanan Jabatan Perdana Menteri (JPM), Kolonel Datuk Mohamad Shaid Mohd. Taufek dilantik sebagai Datuk Bandar Kuala Lumpur ke-enam menggantikan Tan Sri Dato' Kamaruzzaman Shariff berkuatkuasa pada 14 Disember 2001, bersamaan hari Jumaat.

Tan Sri Kamaruzzaman Shariff dilantik sebagai Datuk Bandar Kuala Lumpur yang ke lima pada 14 Disember 1995 selepas bertugas di Kementerian Pertahanan kira-kira tiga tahun bermula 11 November 1992.

Datuk Mohamad Shaid Mohd. Taufek merupakan bekas Setiausaha Kerajaan (SUK) Negeri Sembilan dan bekas pegawai kewangan negeri itu sebelum berpindah ke JPM.

Datuk Bandar kelima Tan Sri Dato' Kamaruzzaman Shariff telah tamat tempoh perkhidmatannya pada 13 Disember 2001 dan menyandang jawatan tersebut sejak 13 Disember 1995.



Datuk Bandar dengan diiringi Datuk Hj. Ruslin Hasan memeriksa perbarisan kehormat Anggota Penguatkuasaan



Kol. Datuk Mohamad Shaid b. Mohd. Taufek diperkenalkan kepada Tuan Haji Salleh b. Yusup dan Pegawai-pegawai Kanan DBKL



KANDUNGAN

Datuk Bandar Kuala Lumpur yang Ke Enam	1
Kandungan	2
Dari Mera, Pengarah	3
Memenuhi Keperluan Kediaman	4-5
Kuala Lumpur 28 Tahun	6
Kuala Lumpur 28 Tahun/Forum Rumah Kita	7
Pembangunan Rumah Awam Sebagai Cabaran	8
Bina Pagar Untuk Keramat Jaya II	9
Memugar Semangat Menghayati Kebersihan dan Keindahan	10
Memugar Semangat Menghayati Kebersihan dan Keindahan/Lawatan ke Putra Jaya	11
Menjelang Tahun 2005	12
35,000 Rumah Menjelang 2003	13
Siri Dailog Kenalpasti Masalah Penghuni	14
Sebagai Mata dan Telinga	15
Berita Bergambar	16-17
Suasana Nyaman Di Rumah Pangsa	18
Penguatkuasaan	19
Gotong Royong Bersih Sri Melaka/Ceramah	20
Sambut Ramadan Di Kompleks Belia	20
Aktiviti Pembangunan dan Kemajuan Sosial Tahun 2002	21
Sambutan Hari Patriotik Meriah	22
Rumah yang Selesa	23
Semangat Kejiranan	24
Tilawah Al Quran Zon I	25
Rumah Kos Rendah Untuk Warga Kota	26
Rumah Kos Rendah Untuk Warga Kota/Pemberitahuan	27
Borang Remaja	28
Borang Belia	29
Personaliti Bakhari Suka Turun Padang	30
Pendidikan Agama/Motivasi Diri	31
Majlis Kesyukuran dan Forum Perdana	32

Dari Meja

PENGARAH



Tuan Haji Salleh Yusup
Pengarah Jabatan
Pengurusan Perumahan

Usaha Membentuk Kebudayaan Murni Di Rumah Kita Dibargai

Tahun 2002 menjanjikan kepada kita berbagai harapan baru untuk dinikmati bersama di samping cabaran baru yang perlu ditangani dengan sebaiknya. Harapan kita adalah untuk menjadikan rumah kita sebagai sebuah kediaman yang selamat, selesa, bersih dan kemas.

Bagi mencapai harapan yang murni ini kita telah berusaha keras bukan sahaja kita telah menambahkan keceriaan persekitaran melalui penanaman pokok rendang dan seni taman yang menarik. Kita telah memperluaskan dan menambahkan kemudahan yang sedia ada supaya semua penduduk dapat menikmati kemudahan dengan lebih selesa.

Pihak Jabatan tidak pernah berputus asa dan kecewa sekiranya masih ada segelintir pihak masih tidak menghargai kemudahan yang disediakan. Pertemuan demi pertemuan diartur untuk menjelaskan dasar jabatan dan DBKL mengenai tanggungjawab kita untuk menjaga sosial yang dijalankan sepanjang tahun. Sama-sama berusaha menyertai aktiviti sosial sama ada anjuran jabatan sendiri, atau anjuran bersama persatuan penduduk dan badan bukan kerajaan serta parti siasah bagi tujuan membentuk masyarakat yang harmoni dan bersatu padu.

Alhamdulillah kita telah dapat melihat hasilnya dengan cemerlang. Apa yang penting bagaimana kita

harus mengekalkan keadaan ini dan terus mencari usaha bagi meningkatkan kegiatan dan aktiviti yang dijalankan.

Dalam masa kita bersungguh-sungguh untuk memastikan kehidupan kita dalam kediaman di rumah kita ini kita jangan lupa cabaran baru yang perlu dihadapi dan ditangani terhadap isu-isu sosial yang semakin meningkat dalam kehidupan bandar di kota besar ini.

Tanpa menyenaraikan masalah sosial yang kita sedia maklum ini, kita percaya usaha menanganinya bukanlah suatu usaha yang mudah. Ia memerlukan satu pendekatan bersepadu dan berterusan di samping komitmen yang tinggi oleh semua pihak yang terlibat. Oleh itu faktor sosial, mental dan emosi warga perumahan kita perlu diambil kira dalam konteks pertumbuhan dan pembangunan persekitaran yang ada.

Apabila kita menyebut bahawa Kuala Lumpur akan menjadi sebuah kota bertaraf dunia, apakah persediaan yang kita ada bagi memastikan kita tidak ketinggalan dalam arus pembangunan berkenaan. Anggaran negara terhadap penghuni rumah pangsa perlu dikikis dan kita bangun sebagai sebahagian daripada golongan masyarakat kota yang mempunyai sumbangan besar kepada pembangunan kota Kuala Lumpur.

Sumbangan kita adalah dengan memberikan sumber tenaga kerja kepada sektor ekonomi bandar seperti sektor perkhidmatan awam dan swasta, sektor perniagaan, sektor pelancongan, sektor kewangan dan sebagainya. Sumber pekerjaan ini telah memberikan punca pendapatan yang membolehkan kita keluar dari kesusahan hidup serta dapat kita meningkatkan kualiti hidup diri dan keluarga.

Kualiti kehidupan kita banyak bergantung kepada pencapaian pendidikan anak-anak di mana kita harus berusaha supaya anak-anak kita menjadi generasi masa depan yang cemerlang. Unsur-unsur negatif perlu dibendung dari peringkat awal usia supaya mereka tidak terdedah kepada kesan masalah sosial yang berat untuk ditangani.

Oleh sebab itulah pihak DBKL tidak jemu-jemu menganjurkan aktiviti sosial yang kita percaya sebagai salah satu langkah bagi mencegah perkara-perkara yang tidak diinginkan. Apa yang penting ialah penglibatan diri dan keluarga dalam setiap aktiviti yang dijalankan perlu lebih besar supaya kita lebih bersemangat untuk

mengaturkan lebih banyak kegiatan yang serupa.

Pihak jabatan menyeru supaya semua penghuni rumah kita turun sama dalam setiap program yang dijalankan kerana untuk menganjurkan sesuatu aktiviti memerlukan masa dan perbelanjaan yang agak besar. Akhir kata samasalah kita berazam untuk menghadapi cabaran masa depan dengan lebih meyakinkan dengan membuang sikap seperti enau dalam belukar melepaskan pucuk masing-masing tetapi kita bersatu seumpama aur dengan tebing.

Sekian, terima kasih.

BERITA RUMAH KITA

Penasihat

Haji Salleh bin Yusup

Ketua Editor

Ramly bin Othman

Editor

Zainuddin bin Md. Zain

Sub Editor

Wan Abdullah bin Wan Abd. Ghani

Wartawan

Ab Wahab bin Omar

Jurufoto

Dolmat Md. Som
Ab Wahab bin Omar

Pembaca Prof

Suhaila bt. Mad. Yusup

Pengedaran

Khairul Azman bin Kamaruddin
Tulisan yang tersiar dalam majalah

BERITA RUMAH KITA

tidak semestinya menggambarkan fikiran
Jabatan Pengurusan Perumahan
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
Alamatkan surat menyurat kepada:

Editor

BERITA RUMAH KITA

Jabatan Pengurusan Perumahan
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
No. 12, Jalan Tuanku Abdul Rahman,
Peti Surat 11022,
50100 Kuala Lumpur
atau hubungi

ENCIK WAN ABDULLAH WAN ABD. GHANI
No. Tel. 03-26938166 samb. 282

Nombor Telefon DBKL

Ibu Pejabat DBKL	- 26916011
Aduan Awam DBKL	- 26934531
Hot Line (24 jam)	- 26911686
Perumahan	26912112
Bhg. Penguatkuasaan Perumahan	- 26938166 samb. 125/126
Pej. Zon 1	- 91734513
Pej. Zon 2	- 92215505
Pej. Zon 3	- 40420340
Pej. Zon 4	- 61899563

Dicetak oleh:

Percetakan Nasional Malaysia Berhad,
Kuala Lumpur